

D581

B B298 DEB
PM - PELAJARAN R R R

ALOR GAJAH, 15 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA PARA PENUNTUT DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI MENENTUKAN KEJAYAAN MEREKA DI BIDANG-BIDANG YANG DIPELAJARI.

BELIAU BERKATA, PELAJARAN SEMEMANGNYA MEMBERI PELUANG KEPADA SESEORANG ITU UNTUK MENCAPAI TAHAP YANG TINGGI DI DALAM MASYARAKAT. TANPA PELAJARAN, MEREKA AKAN BERKEDUDUKAN RENDAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, PARA PENUNTUT HARUS INGAT BAGAIMANA MASYARAKAT MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA UNTUK MENDAPATKAN PELAJARAN DAN OLEH ITU, MEREKA MESTILAH MEMASTIKAN CITA-CITA DAN HASRAT RAKYAT TERCAPAI.

+ ITULAH SEBABNYA MENGAPA KAMI SETIAP KALI MENDESAK PARA PENUNTUT BAIK DI DALAM MAHUPUN LUAR NEGERI SUPAYA BERJAYA DALAM BIDANG PELAJARAN, + UJARNYA PADA UPACARA MEMECAH TANAH TAPAK KAMPUS INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) MELAKA DI LENDU DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN SARA HIDUP PENUNTUT TERJAMIN KERANA MENDAPAT BANTUAN DARI IBU BAPA ATAU KERAJAAN, MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MEMANDANG RINGAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PENUNTUT. - LAGI.

1331MST 15 03 87

D583

B B299 DEB
PM - PELAJARAN 2 ALOR GAJAH

KATANYA, SESUATU BANGSA ITU TIDAK AKAN MAJU SELAMA-LAMANYA DAN BEGITU JUGA TIDAK AKAN MUNDUR SELAMA-LAMANYA KERANA DI DUNIA INI ADA BANGSA YANG MAJU DAN ADA BANGSA YANG MUNDUR.

OLEH ITU, PARA PENUNTUT DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI SEPERTI DI ITM HARUSLAH BERUSAHA LEBIH GIAT LAGI BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN, TAMBAH BELIAU.

+ DALAM USAHA KITA UNTUK LEBIH MAJU, BANGSA LAIN JUGA YANG TELAH LAMA MAJU AKAN TERUS BERUSAHA MENGEJAR KEJAYAAN, + TEGASNYA.

+ BAGAIMANAPUN, KITA TIDAK HARUS KECIWA WALAUPUN BELUM MENCAPAI MATLAMAT. KITA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN TETAPI IA BELUM MENCAPAI TAHAP YANG DIKEHENDAKI, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, BELIAU YAKIN DENGAN BERSAING MATLAMAT YANG DICITA-CITAKAN ITU TERCAPAI JUA DALAM SATU ATAU DUA DEKAD AKAN DATANG. - LAGI.

1339MST 15 03 87

D585

B B300 DEB
PM - PELAJARAN 3 ALOR GAJAH

BELIAU BERKATA, RIBUAN RINGGIT TELAH DIBELANJAKAN OLEH KERAJAAN SEPERTI MENUBUHKAN KAMPUS-KAMPUS, BIASISWA SERTA PERALATAN PELAJARAN DEMI UNTUK MENINGKATKAN PEMBANGUNAN KHUSUSNYA BAGI KAUM BUMIPUTERA SUPAYA SEIMBANG DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATI GOLONGAN PENUNTUT SUPAYA BERSIKAP SEDERHANA DALAM MINAT-MINAT LAIN SEPERTI POLITIK DISAMPING PELAJARAN MEREKA.

KATANYA, MINAT-MINAT LAIN HENDAKLAH DIHAD ATAU DIKURANGKAN SEDIKIT KERANA JIKA MEREKA TAKSUB TERHADAP PERKARA-PERKARA SEDEMIKIAN, INI AKAN MENJEJASKAN BIDANG PELAJARAN MEREKA.

APA YANG PENTING IALAH MEREKA MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN TERHADAP PELAJARAN BAGI MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DAN MEMBANTU MENCAPAI MATLAMAT NEGARA IAITU UNTUK MENGIMBANGI PEMBANGUNAN ANTARA KAUM, TEGAS BELIAU.

MENURUTNYA, JIKA INI DAPAT DICAPAI, SOAL PERKAUMAN DI NEGARA INI TIDAK LAGI AKAN MENJADI MASALAH UTAMA DI MANA BANGSA MELAYU HANYA BERGIAT DALAM POLITIK, KAUM CINA DENGAN PERNIAGAAN DAN INDIA DENGAN KONGRESNYA. - LAGI.

1377MST 15 03 87

D586

B B301 DEB
PM - PELAJARAN 4 ALOR GAJAH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEKIRANYA KEADAAN ITU BERKEKALAN, NEGARA TIDAK AKAN DAPAT MENCAPAI PEMBANGUNAN YANG ADIL. PERDANA MENTERI JUGA MAHU PARA PENUNTUT YANG BERJAYA MEMASUKI ITM SUPAYA MENGANGGAP DIRI MEREKA CUKUP BERNASIB BAIK MEMANDANGKAN TERLALU RAMAI YANG MEMOHON UNTUK MEMASUKI INSTITUT ITU SEDANGKAN TEMPAT YANG DISEDIAKAN TERHAD.

MENURUTNYA, ITM MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENINGKATKAN PERANAN KAUM BUMIPUTERA DI MANA RAMAI PENGUSAHA DAN PENIAGA SERTA MEREKA YANG BERADA DALAM KERAJAAN PADA MASA INI ADALAH LULUSAN INSTITUT ITU.

HADIR SAMA DI MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA SITI HASMAH, KETUA SETIAUSAHA NEGARA YANG JUGA Pengerusi MAJLIS ITM, TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED, KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM THAMBY CHIK, PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI, ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI, PARA PEMIMPIN POLITIK SERTA KETUA-KETUA JABATAN. - BERNAMA.

1345MST 15 03 87

D593

B B302 DEB
PM - PELAJARAN 5 ALOR GAJAH (SAMBUNG BERITA AWAL)

SEMENTARA ITU, DALAM KATA-KATA ALUANNYA PADA BUKU CENDERAMATA UPACARA MEMECAH TANAH ITU, PERDANA MENTERI BERKATA PENINGKATAN PENGETAHUAN DALAM SEMUA BIDANG SANGATLAH PENTING BAGI SEBUAH NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN.

OLEH ITU, PENYEDIAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN SERTA KEMUDAHAN LAIN UNTUK KAWASAN-KAWASAN DESA MEMANG MENJADI KEUTAMAAN KERAJAAN.

MENURUTNYA, BILANGAN TENAGA PROFESIONAL DAN SEPARA PROFESIONAL BUMIPUTERA YANG TERLATIH SANGAT PERLU DITINGKATKAN SUPAYA MEREKA DAPAT MENYUMBANG KE ARAH PEMBANGUNAN BANGSA DAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN UPACARA PEMECAHAN TANAH ITU SEBAGAI SATU LAGI PENCAPAIAN KERAJAAN DALAM STRATEGI UNTUK MEMPERLUASKAN KEMUDAHAN PELAJARAN KE KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR. - BERNAMA.

1419MST 15 03 87